

# BULETIN UTHM

Bil.1 JANUARI 2023 | ISSN 2232-0415



## Graduan UTHM dapat tempat dalam pasaran kerja

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

# BULETIN UTHM

## ISI KANDUNGAN

- 1 Graduan UTHM dapat tempat dalam pasaran kerja
- 2 Yayasan UTHM jana pendapatan sendiri, laksana projek ternakan ruminan
- 4 UTHM dan SWM Environment jalin kerjasama tingkatkan amalan kitar semula
- 5 Pertandingan Inovasi Digital DBP-UTHM 2023 perkasakan pendigitalan bahan terbitan
- 6 Aplikasi angkasARaya ciptaan pelajar UTHM menang tempat kedua Pertandingan DICE 2022
- 7 RPPS berjaya kumpul 5,363.6kg bahan kitar semula pada tahun 2022
- 8 SCO dan Yayasan UTHM laksana projek pertanian lestari, bakal jana pendapatan sampingan pelajar
- 10 Terbitan Terkini

## REDAKSI

### PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

### EDITOR

Nor Azezee Ahmad

### PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





## Graduan UTHM dapat tempat dalam pasaran kerja

**B**ATU PAHAT- Rekod pada tahun 2019 hingga 2021 mencatatkan lebih 90 peratus graduan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mendapat tempat dalam pasaran kerjaya di pelbagai sektor.

Naib Canselor UTHM, Prof. Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata pada tahun lalu terdapat 10 program pengajian peringkat sarjana muda berjaya mencapai kadar GE 100 peratus.

“Sehingga hari ini, UTHM telah melahirkan seramai 53760 graduan peringkat prasiswazah mahupun pasca siswazah.

“Pihak universiti akan cuba meningkatkan lagi pencapaian GE tersebut pada tahun-tahun mendatang,” katanya.

Bagi melahirkan graduan berdaya saing, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk menjalin kerjasama dengan pihak industri dan melaksanakan program latihan berbentuk kemahiran semula dan peningkatan kemahiran.

Di UTHM, para pelajar diberi peluang untuk menyertai kursus-kursus pensijilan profesional atau kompetensi bagi menguasai kemahiran dalam bidang masing-masing seperti kompetensi digital, kemahiran asas digital dan kemahiran khusus berasaskan bidang.

Manakala program akademiknya pula telah direka bentuk berdasarkan kokurikulum terpacu industri (industry-driven) iaitu kaedah pelaksanaannya mengikut





keperluan dan kehendak semasa pasaran industri.

Antaranya pelaksanaan program “Dua Tahun Universiti, Dua Tahun Industri” (2u2i), Program Akademik di Industri (WBL) iaitu pembelajaran berasaskan kerja dan Program Latihan Industri (SIP) yang memberi peluang kepada pelajar meningkatkan kemahiran semasa menjalani program latihan dan akademik di industri.

Selain itu, UTHM juga turut menjalinkan kerjasama dengan industri melalui penubuhan *Teaching Factory* iaitu kemudahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkonsepkan kilang industri, Centre of Industry (CoI) yang membina rangkaian kerjasama dengan industri bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pengajaran serta Inkubator perniagaan yang memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat dalam keusahawanan.

Sehingga hari ini, inisiatif tersebut telah menyumbang kepada keberkesanan setiap

program akademik dalam memastikan setiap silibusnya kekal relevan dan graduan yang dilahirkan memenuhi kehendak industri.

UTHM melalui Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni pula rancang menganjurkan program-program yang membantu graduan mencari dan mendapatkan peluang pekerjaan antaranya penganjuran MyCareer@MOHE, Karnival Kerjaya Dalam Talian, Career Month @ Jobcentre UTHM, Bengkel Penulisan Resume, Program Kekemasan Pengurusan dan Penampilan Diri, Program ‘Meet The Employer’ dan Hiring & Physical Interview.

“Pihak kami akan terus komited dalam mempersiapkan graduan dengan ilmu, kepakaran dan profesionalisme serta kemahiran insaniah yang tinggi bagi membantu mereka membuat persediaan menghadapi alam pekerjaan kelak,” kata Prof. Ruzairi.



## Yayasan UTHM jana pendapatan sendiri, laksana projek ternakan ruminan

**B**ATU PAHAT – Bagi merealisasikan hasrat untuk menjadi sebuah universiti teknopreneur bertaraf global, Yayasan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mula menjana pendapatan sendiri melalui pelaksanaan projek ladang ternakan ruminan di Kampung Linau Kecil, Batu Pahat.

Projek tersebut merupakan jalinan kerjasama strategik bersama Dol Jalal Agro Empire iaitu sebuah syarikat yang berpengalaman dalam ternakan ruminan.

Gerak kerja projek itu telah bermula pada April 2022 dan beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2022 lalu dengan jumlah terkini ternakan lembu sebanyak 70 ekor.

Selain untuk menjana pendapatan sendiri, projek ternakan itu juga bertujuan membantu masyarakat setempat khususnya golongan B40 dan mahasiswa UTHM mendapatkan peluang pekerjaan dalam bidang penternakan dan penjualan daging lembu.

Usaha itu seiring dengan seruan dan hala tuju negara dalam menjayakan penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan.

Menurut Pengurus Yayasan UTHM, Mohd Razif M. Ismail pihaknya mengambil upah pekerja sambilan dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat kategori B40 untuk menguruskan ladang seiring dengan tujuan penubuhan Yayasan iaitu bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk.

Selain itu, Yayasan UTHM juga akan memulakan pengeluaran produk yang meliputi jualan lembu hidup, jualan karkas/daging segar dan baja organik.

“Yayasan UTHM menghasilkan produk penternakan tunggal bagi pembekal daging yang melalui proses penuaan (aging) sebelum dipasarkan dan mensasarkan keluaran produk premium cut.

“Proses-proses inilah yang menjadikan ladang ini istimewa kerana penggunaan bahan yang premium bagi proses penternakan lembu.



“Selain itu, pihak kami juga menanam sendiri rumput napier dan jagung bijirin untuk penghasilan makanan ternak yang organik dan berprotein tinggi.

“Langkah ini bermaksud kami sangat menjaga kualiti lembu yang ditenak bagi menghasilkan daging yang bermutu tinggi,” katanya.

Rentetan itu, satu Majlis Pelancaran Ladang Ternakan Ruminan Yayasan UTHM telah diadakan pada 25 Januari 2023, bertempat di Lot 3725, Parit Linau Kecil, Batu Pahat.

Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato’ Sri Ibrahim Ahmad.

Beliau dalam ucapannya berharap Yayasan UTHM dapat menjayakan Projek Ladang Ternakan Ruminan tersebut dan dapat memberi manfaat kepada banyak pihak.

“Tahniah kepada Yayasan UTHM kerana berjaya merealisasikan projek ladang ternakan ruminan dan menyahut seruan untuk menjadi sebuah universiti teknopreneur bertaraf global menjelang 2030, sekaligus sebagai usaha melahirkan tenaga kerja mahir selari dengan keperluan industri,” katanya.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UTHM, Dato’ (Dr.) Haji Nooh Gadot, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan UTHM, Ahli Lembaga Pengarah UTHM, Pegawai Kanan Universiti, Jawatankuasa Eksekutif UTHM, Ahli Jawatankuasa Pemantau Ladang Ternakan Ruminan UTHM, Sekretariat Yayasan UTHM dan UTHM Prihatin, Skuad Yayasan UTHM dan Ketua-ketua kampung sekitar Parit Linau Kecil.

Pada majlis tersebut, Yayasan UTHM turut menyampaikan sumbangan berupa produk daging segar dari ladang ternakan dan barangan keperluan isi rumah kepada 10 keluarga asnaf sekitar Kampung Linau Kecil.

Para tetamu yang hadir turut dibawa melawat booth pameran daging dan demonstrasi pemotongan daging bagi berkongsi maklumat berkaitan operasi ladang tersebut.





## UTHM dan SWM Environment jalin kerjasama tingkatkan amalan kitar semula

PAGOH, 10 Jan 2023 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menjalinkan kerjasama dengan SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) bagi meningkatkan amalan kitar semula dan gaya hidup lestari dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat.

Jalinan kerjasama tersebut sebagai usaha untuk membantu negara mencapai 40 peratus kadar kitar semula kebangsaan menjelang 2025.

Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan SWM Environment telah diadakan pada 10 Januari 2023 lalu bertempat di UTHM Kampus Pagoh.

UTHM diwakili Naib Canselor, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim manakala SWM Environment pula diwakili Pengurus Besar Korporat, Haji Norlisam Mohd Nordin.

Hadir sama ke majlis MoU tersebut, Provost UTHM

Kampus Pagoh, Profesor Ts. Dr. Kamarulzaki Mustafa dan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Profesor Madya Ts. Dr. Jumadi Abd Sukor.

Menurut Prof. Ruzairi, UTHM sangat berbesar hati menjalinkan kerjasama dengan syarikat konsensi terbesar itu di Malaysia.

“Kerjasama antara UTHM-SWM Environment telah dijalankan sejak tahun 2018 lagi dan lebih dari 30 program telah dilaksanakan termasuk program berbentuk khidmat masyarakat, forum, webinar dan kempen,” katanya.

Manakala Norlisam pula berkata melalui program kitar semula berganjaran KITAREcycle, seramai 1,123 mahasiswa UTHM telah mendaftar sebagai ahli manakala sebanyak 2,873kg bahan kitar semula telah berjaya dikumpulkan sepanjang tempoh tersebut.

Turut diadakan pada hari tersebut, forum bertajuk “Pasca Covid-19: Pengurusan Sisa Pepejal dan Kitar Semula” khusus untuk warga

kampus berkongsi pengalaman dan memberi maklumat lengkap tentang pengurusan sisa serta panduan melaksanakan aktiviti kitar semula.





## Pertandingan Inovasi Digital DBP-UTHM 2023 perkasakan pendigitalan bahan terbitan

**B**ATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan Pertandingan Inovasi Digital DBP-UTHM 2023 pada 29 Januari 2023 bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Projek rintis DBP itu diadakan bagi memperkasakan lagi pendigitalan bahan terbitan mereka selain sebagai usaha menjalinkan kerjasama yang baik antara DBP dan UTHM.

Pertandingan yang berlangsung selama 14 minggu itu melibatkan penyertaan pelajar tahun dua program Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkomputeran Multimedia) dengan Kejujangan, FSKTM.

Sebanyak 12 kumpulan pelajar mengambil bahagian yang setiap satunya mempunyai seorang mentor yang terdiri daripada pensyarah dari Jabatan Multimedia.

Pertandingan tersebut melibatkan dua kategori pembangunan aplikasi multimedia iaitu dengan menggunakan pendekatan realiti terimbu (AR) dan permainan digital.

Bagi kategori Aplikasi Realiti Terimbu, kumpulan Cak Cak Bum di bawah seliaan Prof Ts. Dr. Mohd Farhan Mohd Fudzee berjaya meraih tempat pertama dengan mempertaruhkan

aplikasi yang dinamakan 'AR Batu Belah.'

Manakala bagi kategori Permainan Digital, tempat pertama diraih oleh kumpulan Pahlawan Laut Dalam di bawah seliaan PM Dr. Noorhaniza Wahid dengan aplikasi 'Pendekar Lautan.'

Kedua-dua kumpulan pemenang itu membawa pulang wang tunai berjumlah RM1500 beserta sijil penyertaan.

Hadiah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, Haji Mohd Salahuddin Dato' Paduka Mohamed selaku wakil rasmi Ketua Pengarah DBP.

Kesemua hadiah yang ditawarkan kepada kumpulan pemenang ditaja sepenuhnya oleh pihak DBP.

Menurut Dekan FSKTM, Ts. Dr. Azizul Azhar Ramli pihaknya melihat kerjasama UTHM-DBP ini mampu memberi banyak manfaat khususnya kepada pelajar dari Program Sarjana Muda Sains Komputer.

"Pertandingan ini dapat mengetengahkan potensi para pelajar dalam pembangunan aplikasi multimedia yang memenuhi kehendak industri,

"Mereka didedahkan dengan pendekatan industri dalam membangunkan sesebuah aplikasi

multimedia yang baik dan memenuhi keperluan pengguna serta mempunyai nilai-nilai komersil.

"Kerjasama dua pihak industri-universiti ini juga berupaya merencanakan lagi projek-projek pendigitalan bahan terbitan bercetak yang berpotensi pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, Haji Mohd Salahuddin dalam ucapan perasmianya berkata, UTHM merupakan universiti awam pertama yang dipilih untuk mengadakan pertandingan seumpama ini.

"Selepas ini pihak DBP akan memperluaskan penganjuran program ini ke universiti lain bagi mengembangkan lagi bakat dan daya kreativiti pelajar institut pengajian tinggi.

Beliau turut berterima kasih kepada UTHM yang memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan pertandingan itu sekali gus merealisasikan hasrat DBP yang ingin memperkasakan lagi bahan terbitan dalam bahasa Melayu.

"Pihak kami bercadang akan meneruskan kerjasama dengan UTHM dengan melaksanakan beberapa aktiviti lain melalui memorandum persefahaman yang akan dimeterai," katanya.



## Aplikasi angkasARaya ciptaan pelajar UTHM menang tempat kedua Pertandingan DICE 2022

**K**UALA TERENGGANU - Syarikat Pemula Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang mempertaruhkan aplikasi bertajuk 'angkasARaya' telah memenangi tempat kedua bagi kategori Interaktif Media (Augmented Reality) ketika menyertai Pertandingan Digital Innovation Creativepreneur (DICE 2022) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Kumpulan pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat yang dibimbing oleh pensyarah merangkap mentor, Dr. Che Samihah Che Dalim itu bertanding di peringkat nasional bersama 20 universiti awam (UA) yang lain.

AngkasARaya merupakan aplikasi yang memberikan pengalaman interaktif kepada kanak-kanak bagi meneroka dunia aeroangkasa menerusi dua model 3D kapal angkasa, NASA Artemis dan space X Falcon serta 14 roket dengan bendera negeri-negeri di Malaysia.

Aplikasi AngkasARaya direka bentuk dan dibangunkan dengan menekankan dua aspek penting iaitu keseronokan dan motivasi bagi memupuk minat pengguna khususnya kanak-kanak.

Elemen yang digunakan untuk mencapai dua aspek ini ialah interaksi masa nyata, permainan serta eksplorasi. Menurut Dr. Che Samihah, bidang aeroangkasa menjadi salah satu bidang penting kepada negara dan generasi muda perlu didedahkan dengan seberapa banyak ilmu berkaitan bidang ini. "Atas sebab inilah kami mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada anak-anak kecil bagi memupuk minat mereka terhadap bidang tersebut.

"Kami bangunkan satu aplikasi yang memberi peluang kepada kanak-kanak merasai pengalaman melancarkan roket biarpun hanya berada di halaman rumah mereka sendiri," katanya.


Sementara itu, majlis penutup pertandingan tersebut telah

diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) pada 12 Januari 2023 lalu bertempat di Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu.

Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Tinggi, Nooraidah Abdullah hadir merasmikan majlis tersebut sekali gus menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Selain memenangi hadiah wang tunai RM3500, trofi dan sijil, Syarikat Pemula pelajar akan diberi peluang untuk dibimbing oleh MDEC selama tiga bulan bagi mengembangkan perniagaan mereka.



Barangan Kitar Semula di RPPS Pada Tahun 2022 (kg)



## RPPS berjaya kumpul 5,363.6kg bahan kitar semula pada tahun 2022

Rumah Pembelajaran Pemulihan Sumber (RPPS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya mengumpul sebanyak 5,363.6 kilogram (kg) barangan kitar semula pada tahun 2022 hasil komitmen berterusan yang diberikan oleh ahli-ahlinya.

Menurut Ketua S/O Sisa dan Kitar Semula, Ts. Dr. Roslinda Ali jumlah kutipan bagi tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding pada tahun sebelumnya.

“Peningkatan ini menunjukkan warga kampus telah mula mempunyai kesedaran dan rasa tanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

“Pihak kami amat berpuas hati dengan peningkatan jumlah kutipan dan berharap sikap positif ini dapat diteruskan lagi pada tahun 2023 dan seterusnya, sekali gus menjadi budaya dan amalan warga kampus,” katanya.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, kertas campur merupakan jumlah terbesar yang dikutip oleh RPPS iaitu sebanyak 4,242.6 kilogram bersamaan 79.1 peratus.

Antara bahan kitar semula lain yang dikutip merangkumi kertas kotak sebanyak 11 peratus, plastik 7.7 peratus, kertas putih 1.3 peratus dan tin logam 0.9 peratus.

Untuk rekod, RPPS telah memulakan operasinya sejak

tahun 2018 sebagai pusat pengumpulan barangan kitar semula.

Pusat yang diselenggarakan oleh Pejabat Kampus Lestari UTHM itu merupakan usaha bersama pihak UTHM dan SWM Enviroment Sdn. Bhd. bagi memberi kesedaran dan menggalakkan warga kampus serta penduduk sekitar untuk melakukan pengasingan sisa di punca.



## SCO dan Yayasan UTHM laksana projek pertanian lestari, bakal jana pendapatan sampingan pelajar

**B**ATU PAHAT - Pejabat Kampus Lestari (SCO) dengan tajaan Yayasan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membangunkan empat set tanaman hidroponik menerusi pelaksanaan Projek Pertanian Lestari.

Set hidroponik tersebut menggunakan teknologi tanaman tanpa tanah dan digantikan dengan air dan larutan baja melalui kaedah Sistem Pengaliran Nutrien (NFT) yang mana pam air akan mengalirkan larutan baja daripada tangki ke palung-palung tanaman secara bertingkat.

Projek ini turut memberi peluang dan pengalaman kepada empat pelajar UTHM daripada golongan B40 terlibat serta dalam proses penyediaan tapak, pemasangan set hidroponik, pendawaian elektrik, semeian biji benih dan penyeliaan secara berkala.

Projek tanaman itu mengambil masa kira-kira empat minggu dari proses semeian biji benih

sehinggalah ke proses penuaian hasil.

Sebagai fasa permulaan, tuaian pertama sayur sawi telah dilakukan pada 2 Januari 2023 lalu dengan hasil seberat enam kilogram.

Proses tuaian pertama itu turut disertai oleh Ketua Pustakawan, Zaharah Abd. Samad merangkap Ketua Fungsi UTHM Prihatin, Pengurus Yayasan UTHM, Mohd Razif M. Ismail dan Pengarah SCO, Prof. Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir.

Menurut Ketua Projek Pertanian Lestari, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Fairouz Mohd Yousof projek itu berupaya menjadi sumber pendapatan sampingan kepada para pelajar di samping dapat menggalakkan mereka untuk jadikan sektor pertanian moden sebagai permulaan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Tambah beliau, SCO akan bekerjasama dengan Pusat Islam pada fasa akan datang dengan melibatkan penyertaan

pelajar tahfiz Al-Wasit bagi tujuan pendedahan dan pembelajaran berkaitan konsep pertanian moden.

Sementara itu, Pengurus Yayasan UTHM, Mohd Razif pula berkata pihak mereka amat teruja dengan hasil tuaian fasa pertama itu dan bersedia untuk menambah bilangan set hidroponik pada masa akan datang.

"Kita akan mempelbagaikan jenis tanaman sayuran pada masa akan datang dan hasilnya akan dijual kepada staf dan orang awam dengan kadar harga yang berpatutan.

"Saya percaya ia akan mendapat sambutan yang hangat memandangkan penanaman sayuran ini menggunakan kaedah NFT yang dapat menghasilkan sayuran yang segar," katanya.



# IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

## SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

## KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

\*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA IMBAS QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400, Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601  
FAX: +(607) 453 6023  
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

## PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB




## KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



# Terbitan Terkini




## HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



## THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

# Terbitan Terkini



## REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejarar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik mengikut perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.



**“UTHM Championing TVET”**